

RINGKASAN EKSEKUTIF KAJIAN SEPARAH PENGGAL RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN NEGERI JOHOR 2016-2025

Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) merupakan dokumen yang dinamik yang perlu dikemaskini mengikut perubahan masa dan keadaan dalam tempoh yang telah ditentukan. Oleh itu, adalah menjadi keperluan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk melaksanakan semakan separa penggal dokumen RPH pada tempoh separa penggal kedua (tahun ke 5 dari tempoh 10 tahun pelan pengurusan) seperti yang telah disyaratkan yang mana dokumen Kajian Separa Penggal RPH Negeri Johor (KSPRPHNJ) 2016-2025 ini menilai prestasi kemajuan pengurusan bagi tempoh 2016-2020. KSP bagi RPH 2016-2025 ini dilaksanakan sejajar dengan keperluan Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 Negeri Johor dan Kaedah-kaedah Hutan Negeri Johor 1987 serta pematuhan kepada Petunjuk dan Kriteria Malaysia Pengurusan Hutan Berkekalan (MC & I SFM). Bagi tujuan itu, penyusunan semula bab telah dibuat serta perubahan turut dilakukan pada objektif dan skopmatlamat mengikut strategi pelaksanaan dasar perhutanan yang terkini. Penilaian pencapaian aktiviti mengikut strategi pelaksanaan dasar turut dibentangkan. Seterusnya, KSPRPHNJ ini juga membuat perubahan berdasarkan analisis jurang yang diolah semula. Penambahbaikan informasi juga telah dibuat dengan menambah maklumat tentang kajian impak sosial (SIA) dan pemetaan kawasan berhutan terkini di negeri Johor.

Bab 1 dan Bab 2 dalam KSPRPHNJ masing-masing memperihalkan latar belakang dan tujuan dokumen yang dihasilkan dengan memberikan objektif serta skop kajian. Bab 3 seterusnya memperihalkan bagaiman kaedah kajian dilakukan yang merangkumi perancangan awal kerja dengan penyediaan kertas cadangan cara kerja bersandarkan terma rujukan seperti yang telah ditentukan oleh JPNJ. Seterusnya, soroton kajian dilaksanakan bagi melihat elemen yang perlu disemak selaras dengan pencapaian semasa oleh JPNJ. Analisis data dari maklumat sekunder yang diperolehi dari JPNJ dan perolehan data lapangan seterusnya disemak dan cadangan penambahbaikan dibuat bagi memastikan pengurusan hutan dibawah pentadbiran JPNJ dilaksanakan berdasarkan objektif yang telah disasarkan.

Bagi memastikan objektif yang disasarkan selari dengan perkembangan pengurusan perhutanan terkini, KSPRPHNJ ini telah membuat pelarasan agar RPH ini adalah selaras dengan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia 2021 (DPSM) yang telah dilancarkan pada 21 Mac 2021. Disamping itu, pelarasan dasar dalam KSPRPHNJ 2016-2025 ini adalah selari dengan dasar kerajaan negeri Johor, iaitu Dasar Kelestarian Negeri Johor 2017-2021 dan Rancangan Struktur Negeri Johor 2030. Perincian pelarasan dasar dan perundangan semua ini diperincikan di Bab 4.

Di dalam Bab 5, terdapat sejumlah sembilan (9) strategi yang berlandaskan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) telah disemak semula agar selaras dengan DPSM 2021. Justeru, 27 strategi yang telah dirangka dengan pelan tindakan seperti yang digariskan dalam sembilan (9) teras utama DPSM telah dicadangkan dalam KSPRPHNJ 2016-2025 ini. Pencapaian objektif DPSM 2021 adalah fokus utama yang perlu diberi perhatian bagi menghadapi cabaran dan isu berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber hutan yang telah diambil kira dalam KSPRPH 2016-2025 ini.

Seterusnya dalam Bab 6, maklumat fizikal hutan di Negeri Johor telah ditambah baik dari RPH 2016-2025 yang mana ianya termasuklah maklumat keluasan hutan, jenis hutan dan pola guna tanah yang terbaru. Penilaian data sekunder yang diperolehi dari JPNJ dan kajian lapangan telah diselarasakan bagi menghasilkan peta pola guna tanah yang terkini. Penghasilan peta dari kajian lapangan dan semakan data sekunder di perincikan dalam Lampiran 1. Maklumat kepelbagaian biologi flora dan fauna serta maklumat berkaitan ekonomi berasaskan sumber hutan merangkumi industri berasaskan kayu, aktiviti eko pelancongan dan aktiviti sosio-ekonomi masyarakat di sekitar HSK Johor juga telah dikemaskini di dalam Bab 6 berdasarkan tahun terkini.

Seterusnya, di Bab 7, pencapaian RPH separa penggal pertama iaitu tahun 2016-2020 telah dianalisis bagi melihat aktiviti pelaksanaan dasar (PD) yang dirancang dalam RPH terdahulu telah dicapai sepenuhnya atau tidak. Ulasan pencapaian dan ketidakcapaian turut diperincikan seperti di Jadual 7-3 bagi membantu JPNJ melihat semula strategi yang perlu dibuat untuk mencapai setiap PD tersebut. Beberapa strategi dan PD telah dibincangkan bersama JPN yang kemudiannya dirancang semula bagi tujuan pelaksanaan pengurusan semasa dan akan datang. Perubahan dan perancangan baru ini boleh dilihat dalam Bab 10.

Semakan maklumat semasa sumber hutan bagi Negeri Johor telah diperincikan di Bab 8. Data mengenai kandungan stok dirian bagi hutan di Negeri Johor bagi tujuan pengurusan dan keperluan audit MC&I SFM telah dikemaskini berdasarkan sumber Inventori Hutan Nasional 5 (IHN5). Daripada analisis ini, isipadu pokok dan pokok jaras kecil sehektar masing-masing adalah 2,360.22 pokok/ha dan 442.60 pokok/ha. Bilangan anak pokok bagi spesis Dipterokarpa adalah 116.30 pokok/ha (4.9%) dan spesis Bukan Dipterokarpa adalah 2,243.92 pokok/ha (95.1%), manakala bilangan pokok jaras kecil bagi spesis Dipterokarpa adalah 17.51 pokok/ha (4.0%) dan spesis Bukan Dipterokarpa adalah 425.09 pokok/ha (96.0%). Bagi tempoh 2016-2020, catuan tebaran tahunan (CTT) yang diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk kawasan HSK adalah pada kadar 2,121.60 ha. JPNJ telah berjaya mematuhi CTT yang ditetapkan iaitu 1,255 ha (2016), 1,940 ha (2017), 1,571 ha (2018), 1,059 ha (2019) dan 346.41 ha (2020). Pada 8 April 2020, kerajaan Negeri Johor telah melaksanakan pembekuan (moratorium) pembalakan di kawasan HSK. Amnya, dalam tempoh RPH 2016-2020, JPNJ telah berjaya melaksanakan aktiviti inventori Pre-F dengan jumlah keluasan 3,261.92 ha, inventori selepas tebaran (Post-F) dengan jumlah keluasan 4,298.57 ha dan rawatan silvikultur dengan jumlah keluasan 1,198.67 ha. Sehingga 2020, JPNJ telah berjaya mewartakan satu hutan yang mempunyai nilai pemuliharaan tinggi (HCV) pada tahun 2018 iaitu di Kompartmen 47 HSK Panti seluas 2 ha, menjadikan jumlah keseluruhan HCV di Johor adalah sebanyak dua (2). Sementara itu, sehingga 2021, sebanyak enam (6) kawasan telah dicadangkan sebagai kawasan HCV bagi Negeri Johor. Pada tahun 2020, rangkaian ekologi *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Johor melalui Pelan Induk CFS 2020 telah menyenaraikan rangkaian ekologi CFS di negeri Johor terdiri daripada tiga rangkaian dengan keluasan 31,352 ha.

Aktiviti pengurusan hutan yang telah dirancang sepanjang tempoh RPH 2016-2025 separa penggal pertama telah disemak dan diperincikan di Bab 9. Semakan kepada kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) adalah berdasarkan kepada penilaian yang dilakukan bagi FMU negeri Johor pada tahun 2017 melalui penghasilan laporan 'Penilaian Alam Sekitar Makro (MEIA) Bagi Unit Pengurusan Hutan Negeri Johor'. JPNJ juga telah berjaya mematuhi semua syarat pensijilan yang berkaitan dengan EIA termasuk langkah mitigasi yang dinyatakan yang seterusnya JPNJ dianugerahkan pensijilan MC&I

pada tahun 2020. Maklumat tambahan dalam KSPRPHNJ 2016-2025 adalah tentang kajian Penilaian Impak Sosial (SIA) yang telah dilaksanakan. Analisis mendapati masyarakat tempatan berpuas hati dengan tindakan JPNJ (FMU) dalam mengurus kawasan HSK dan kesannya kepada penduduk berdekatan. Masyarakat tempatan bersetuju bahawa kewujudan persekitaran HSK yang bersempadanan dengan penempatan mereka memberi impak positif dalam memperkenalkan kebudayaan setempat serta menjadikan kawasan mereka maju sebagai tempat ekopelancongan. Namun begitu, kesan negatif seperti kekurangan tanah untuk pertanian juga dikenalpasti. Laporan terperinci kajian SIA adalah boleh dilihat di Lampiran 2. Sebagai tambahan, Bab 9 juga telah menyemak aktiviti pengurusan hutan mengikut klasifikasi fungsi hutan. Negeri Johor mempunyai 11 jenis hutan berdasarkan kelas fungsi di dalam subseksyen 10(1), Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan dari jumlah kelas tersebut Hutan Taman Negeri dan Hutan Tadahan Air telah berjaya diwartakan. Hutan pengeluaran kayu di Negeri Johor diuruskan secara sistem pengeluaran kayu secara berkekalan dengan menjalankan penebangan secara memilih (SMS) dan dari tahun 2016-2020, sejumlah 4,218.21 ha hutan telah diusahakan dan masih mengikut CTT yang dibenarkan. Pengurusan kebakaran hutan adalah penting dalam mengurangkan risiko kemusnahan alam sekitar dan harta benda yang tinggi dan ianya juga adalah salah satu kriteria dalam pensijilan MC&I SFM. Justeru itu rancangan pengurusan kebakaran hutan yang komprehensif perlu disediakan. Pada masa yang sama, JPNJ telah mengambil inisiatif dengan mengumpulkan data kejadian kebakaran di kawasan HSK dan mengesan kawasan-kawasan yang terdapat titik panas sebagai langkah waspada dan persediaan sekiranya kebakaran hutan berulang. JPNJ dengan kerjasama pihak berkepentingan telah melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan untuk menangani kejadian kebakaran terutama di Hutan Paya Gambut (HPG). JPNJ juga telah menyediakan Pelan Pengurusan Kebakaran Bersepadu HPG di dalam Rancangan Pengurusan Hutan Paya Gambut Negeri Johor 2023-2032. Bagi aktiviti pengurusan perolehan bekalan tanaman, JPNJ mempunyai tujuh (7) tapak semaian di setiap pejabat hutan daerah bagi menyediakan bekalan tanaman yang mencukupi dalam mencapai hasrat penanaman empat (4) juta pokok di Negeri Johor. Pembangunan ladang hutan adalah salah satu operasi pemulihan kawasan HSK yang miskin dan di kawasan Tanah Kerajaan yang tidak dikehendaki untuk kegunaan lain. Hutan ladang di Johor berdasarkan kelulusan yang telah diberikan oleh kerajaan negeri (sehingga Disember 2019) adalah berjumlah 58,507.90 Ha yang mana sejumlah 44,676.73 ha adalah dari kawasan HSK (iaitu sebanyak 13.37% dari keseluruhan HSK pada tahun 2020) dan 10,202.37 ha pula dari kawasan CHSK sementara 3,628.80 ha pula adalah dari kawasan tanah kerajaan. Dari keseluruhan jumlah tersebut, hanya 21,680.75 ha (48.53%) telah diusahakan dan ditanam di mana 10,894.46 ha (50.25%) ditanam dengan kelapa sawit, 6,651.07 ha (30.68%) ditanam dengan getah dan 4,187.25 ha (19.31%) ditanam dengan pokok akasia. Untuk Industri Berasaskan Kayu (IBK) Negeri Johor, JPNJ bercadang untuk menyediakan satu pelan pembangunan dan pengurusan IBK selaras dengan 'Pelan Strategik Industri Perakayuan Negara (NTISP) 2021-2025' telah disediakan di peringkat kebangsaan. Dari segi pengurusan dalam pembangunan kapasiti dan modal insan di JPNJ, nisbah personel yang secara langsung bertugas di lapangan dari tahun 2016-2020 adalah 1:6,000 (6,600) per ha HSK. JPNJ juga komited memastikan pegawai terlatih, kompeten dan sentiasa diberi latihan atau pelbagai kursus.

JPNJ amat menitikberatkan keberkesanan perancangan dan aktiviti yang dijalankan dalam tempoh rancangan pengurusan yang seterusnya. Oleh itu, kesemua aktiviti telah diselaraskan semula dan sasaran baharu bagi tempoh pengurusan sehingga 2025 dengan cadangan pengukuran pencapaian berdasarkan strategi dan pelan tindakan DPSM telah diperincikan di Bab 10. Sasaran ini mengambil kira sembilan (9) teras iaitu 1. Teras Kelestarian Sumber Hutan; 2. Teras Konservasi Kepelbagaian

Biologi Hutan; 3. Teras Kemampanan Perkhidmatan Ekosistem Hutan; 4. Teras Kesejahteraan Ekonomi Dan Kesenambungan Industri; 5. Teras Perundangan Dan Penguatkuasaan; 6. Teras Keterangkuman Dan Keterlibatan Pihak Berkepentingan; 7. Teras Kesejahteraan Sosial Dan Orang Asli; 8. Teras Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan Dan Inovasi; dan, 9. Teras Masyarakat Berpencerahan. Walaupun terdapat beberapa strategi dan pelan tindakan yang digugurkan, matlamat pengurusan hutan masih boleh dicapai dengan objektif yang diselaraskan dengan 9 teras yang diambil kira seperti digariskan dalam DPSM.

Di Bab 11, bajet dan perbelanjaan yang telah diperuntukan sepanjang tempoh RPH 2016-2025 separa penggal pertama telah disemak. Hasil semakan mendapati kutipan hasil JPNJ bagi tempoh 2016 hingga 2020 menunjukkan perubahan peningkatan dan penurunan mengikut tahun. Pada tahun 2016 jumlah pendapatan menunjukkan peningkatan dari RM16,957,199.00 kepada RM20,867,614.63 pada tahun 2017. Kemudiannya menurun kepada RM14,779,904.19 pada tahun 2018 dan kemudian meningkat semula pada tahun 2019 iaitu berjumlah RM21,494,794.00. Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelaksanaan moratorium, jumlah pendapatan pada tahun 2020 berkurang kepada RM7,348,467.13. Imbangan pendapatan-perbelanjaan bagi tahun semakan 2016 hingga 2020 adalah bercampur yang mana defisit dicatatkan pada tahun 2016 iaitu berjumlah RM-4,584,529.59, RM-754,967.47 pada tahun 2017 dan RM-3,647,333.76 pada tahun 2018. Namun keuntungan dicatatkan pada tahun 2019 iaitu berjumlah RM1,758,764.10 namun ianya menjadi negatif kembali dengan jumlah yang lebih besar pada tahun 2020 berjumlah RM-13,130,674.01.

Kesimpulan dari kajian dan analisis dalam KSP RPH 2016-2025 separa penggal pertama ini mendapati JPNJ telah memberi komitmen yang sebaiknya demi memastikan pengurusan hutan yang berkekalan dicapai dengan aktiviti yang telah dirancang selaras dengan sembilan (9) teras yang telah dirangka. JPNJ memandang serius terhadap isu-isu dan perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam KSP ini, seterusnya tindakan perlu diambil dalam tempoh lima (5) tahun berbaki RPH 2016-2025. Maklumat, perbincangan dan pandangan serta syor yang dicadangkan dalam kajian ini perlu dilaksanakan secara holistik dengan mengambil kira kapasiti JPNJ, perkembangan dan keperluan semasa.